

EDISI


KEBENARAN TIDAK HADIR KERJA ATAS SEBAB-MUSABAB KECEMASAN AM

Syarat dan Kelayakan

Kebenaran kepada pegawai tidak hadir bekerja atas sebab kecemasan yang menyebabkan terhalangnya perjalanan ke pejabat atau ke tempat bekerja seperti berikut:



1 Banjir



4 Jambatan
Runtuh



2 Gempa Bumi



5 Lain-lain
malapetaka dan
bencana alam



3 Tanah Runtuh



6 Perintah berkurung
dan perintah
sekatan am oleh
pihak berkuasa

Pelaksanaan

1 Maklumat dan pengesahan kejadian kecemasan am atau perintah tertentu daripada punca-punca berikut:

Pegawai Daerah atau Penghulu

Pegawai Polis

Jabatan Penerangan Malaysia

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Siaran media massa

2

Jika Ketua Jabatan tidak berpuas hati dengan perakuan yang dikemukakan, Ketua Jabatan boleh memotong cuti rehat tahunan pegawai atau menganggap tempoh itu sebagai cuti tanpa gaji sekiranya cuti rehat tahunan pegawai telah habis digunakan

3

Kes-kes bencana dan kemalangan yang berlaku ke atas peribadi ataupun yang melibatkan harta benda seseorang pegawai tidak termasuk di dalam istilah kecemasan am seperti yang dinyatakan